

Kejohanan Golf IPT 2017 Sirkit 3 Meriah Di Melaka

Unit Komunikasi Korporat

Sun 10/1/2017 2:04 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia




01 OKTOBER 2017 / 10 MUHARAM 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Akademi Golf Nasional UUM

KEJOHANAN GOLF IPT 2017 SIRKIT 3 MERIAH DI MELAKA





UUM ONLINE: Kejohanan Golf IPT 2017 diteruskan dengan Sirkuit 3 / UTeM bertempat di Tiara Melaka Golf and Country Club, Ayer Keroh, Melaka pada 24 September lalu menyaksikan penyertaan seramai 65 orang pemain daripada pelbagai institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia.

Sirkuit 3 / UTeM dianjurkan Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (AGN UUM) dengan sokongan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Muncul sebagai Johan Kategori Lelaki Sirkuit 3 / UTeM ialah Nuralif Mohd Zahari, pemain golf dari Stamford College Malacca mengalahkan semua saingan dengan pukulan satu di atas par golf (73).

Situasi yang menarik bagi kedudukan Naib Johan, tempat Ketiga dan Keempat Kategori Lelaki di mana terdapat tiga orang pemain yang berkongsi mata yang sama iaitu pukulan empat di atas par (76).

Walaupun berkongsi jumlah pukulan yang sama, Muhammad Afzal Mohd Zubir berjaya mendahului Mohd Shakiran Johari yang terpaksa akur dengan kedudukan di tempat Keempat dengan kiraan OCB, masing-masing merupakan pemain golf AGNUUM

Sementara itu, Muhammad Firdaus Mohd Azihan juga dari UUM terpaksa berpuas hati dengan tempat Kelima dengan jumlah pukulan sebanyak lima diatas par (77) dengan kiraan OCB.

Sementara dalam Kategori Perempuan pula, Nur Eliana Ariffin, pemain dari Melaka International College of Science and Technology (MiCoST) muncul Johan dengan jumlah pukulan satu di atas par (73).

Pemain dari UUM, Tham Soot Yuet, terpaksa berpuas hati di kedudukan Naib Johan dengan pukulan tiga di atas par (75) manakala tempat Ketiga dimenangi oleh Nasrin Nazifa Haris Bashah juga dari UUM dengan jumlah pukulan enam di atas par (78) melalui kiraan OCB.

DARIPADA:
 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 ☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
 📠 04-928 3053
 ✉ ukkuum@uum.edu.my
 📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.